

31/10/2003

Usah bimbang tekanan AS: Duta

KUALA LUMPUR: Malaysia hanya perlu meneruskan dasar luar negara yang tegas bagi menghadapi tekanan Amerika Syarikat berikutan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC),

kata Duta Cuba ke sini, Pedro Monzon Barata.

Sambil menyatakan kekaguman Cuba terhadap Malaysia dan Perdana Menteri,

Barata berkata Malaysia tidak perlu khuatir dengan tekanan seumpama itu kerana kedudukan politik dan ekonominya di peringkat antarabangsa amat mantap.

Beliau berkata, kenyataan tegas Dr Mahathir terhadap Senat Amerika dan penolakan mentah-mentah bantuan dan latihan ketenteraan bersyarat Amerika

bernilai AS\$1.2 juta (RM4.5 juta) itu menunjukkan Malaysia tidak menagih bantuan mana-mana negara.

"Malaysia sedang melakukannya dengan amat baik. Sudah tentu anda tidak akan menderita keadaan seperti kami kerana faktor jarak dan sejarah," katanya kepada pemberita selepas mengadakan sidang akhbar di pejabatnya di sini semalam.